

ANALISIS KESINAMBUNGAN TOPIK DALAM CERITA RAKYAT MELAYU *BATU BATANGKUP*

(Analysis of Topic Continuity in Malay Folklore Batu Batangkup)

T. Thyrhaya Zein*
t.thyrhaya@usu.ac.id

Prayogo
prayogkd@students.usu.ac.id

Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Indonesia.

Pengarang Koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (To cite this article): T. Thyrhaya Zein & Prayogo. (2022). Analisis kesinambungan topik dalam cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 251–272. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no4)

Peroleh: <i>Received:</i>	9/5/2022	Semakan: <i>Revised</i>	23/9/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	28/9/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/10/2022
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	------------

Abstrak

Kajian ini mengenai kesinambungan topik dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan tingkat dan darjat kesinambungan topik pada perangkat nahu dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Kaedah kajian yang digunakan ialah kuantitatif-deskriptif dengan menerapkan kaedah dokumentasi dalam pengumpulan data dan kaedah interaktif untuk menganalisis data. Data dalam kajian ini berbentuk perangkat nahu pada klausa yang terdiri daripada anafora kosong, kata ganti nama orang ketiga, kata ganti nama milik, frasa nama definit, dan frasa nama indefinit yang bersumber daripada teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Hasil kajian menunjukkan bahawa (1) representasi perangkat nahu terdiri daripada anafora kosong, ganti nama orang ketiga, ganti nama milik, frasa nama definit, dan frasa nama indefinit. Daripada lima perangkat nahu, anafora kosong memiliki tingkat kesinambungan topik paling tinggi (4.62) dan frasa nama definit memiliki tingkat kesinambungan

yang paling rendah (9.19). (2) daripada lima perangkat nahu, empat memiliki kesinambungan topik yang rendah, iaitu ganti nama orang ketiga (7.28), ganti nama milik (8.40), frasa nama indefinit (9.13) dan frasa nama definit (9.19). (3) darjat kesinambungan tertinggi dimulai daripada perangkat nahu anafora kosong, ganti nama orang ketiga, ganti nama milik, frasa nama indefinit dan frasa nama definit.

Kata kunci: Analisis wacana, kesinambungan topik, perangkat gramatikal, tingkat, darjat, *Batu Batangkep*

Abstract

This study is about topic continuity in the Batu Batangkep Malay folklore text. This study aims to describe the level and degree of topic continuity in grammatical devices in the said text. The research method used is a quantitative-descriptive method by applying the documentation method in data collection and interactive model in data analysis. The data in this study were the grammatical devices in clauses, which consist of zero anaphora, third-person pronouns, possessive pronouns, defined noun phrases, and undefined noun phrases that are sourced from the selected text. The results showed that the representation of grammatical devices consists of zero anaphora, third-person pronouns, possessive pronouns, defined noun phrases, and undefined noun phrases. Of the five grammatical sets, zero anaphora has the highest level of topic continuity (4.62), while defined noun phrases have the lowest level of topic continuity (9.19). Four of the grammatical devices have low topic continuity, namely third-person pronouns (7.28), possessive pronouns (8.40), undefined noun phrases (9.13), and defined noun phrases (9.19). The highest degree of continuity starts from the grammatical level of zero anaphora, third-person pronouns, possessive pronouns, undefined noun phrases, and defined noun phrases.

Keywords: Discourse analysis, topic continuity, grammatical device, level, degree, Batu Batangkep

PENGENALAN

Tataran bahasa yang paling tinggi ialah wacana. Wacana sendiri merupakan satuan bahasa yang lengkap, sehingga dalam hierarki gramatikal menempati posisi tertinggi atau terbesar. Wacana mengandung konsep, gagasan, fikiran atau idea yang utuh sehingga pembaca dapat

memahami (dalam wacana tulisan) dan pendengar (dalam wacana lisan) tanpa adanya keraguan (Chaer, 2007:267). Sementara itu, Tarigan (1987) mengungkapkan bahwa wacana merupakan satuan bahasa yang paling lengkap, lebih tinggi daripada klausa dan ayat, memiliki kohesi dan koheren yang baik, memiliki bahagian awal dan akhir yang jelas, berkesinambungan dan dapat disampaikan secara lisan atau tulisan. Wacana merupakan rentetan ayat yang berkaitan dengan proposisi yang satu dengan lainnya dalam kesatuan makna (Alwi, 2003:419). Selain itu, wacana merupakan seperangkat preposisi yang saling berhubungan untuk menghasilkan rasa kepaduan atau rasa kohesi bagi penyimak atau pembaca (Tarigan, 2009:24). Dalam linguistik, ilmu yang mempelajari wacana secara khusus ialah analisis wacana (AW).

Analisis wacana merupakan kajian yang menganalisis satuan bahasa di atas tataran klausa dan ayat untuk mengetahui mesej dalam sesebuah wacana dan cara mesej-mesej itu tersusun dan difahami. Harris (1952) merupakan pelopor dalam penganalisisan wacana. Pada masa itu, para linguistik disibukkan dengan menganalisis kebahasaan pada tataran morfologi dan sintaksis sahaja yang hanya mengkaji bahasa sampai pada tataran ayat. Namun begitu, AW mulai banyak dianalisis oleh ahli linguistik pada tahun 1960-an.

Berdasarkan medium penyampainya, wacana dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu wacana lisan dan wacana tulisan. Wacana lisan merupakan wacana yang disampaikan secara lisan atau langsung dengan menggunakan bahasa verbal. Untuk memahami wacana jenis ini, pendengar harus mendengar dan menyemaknya. Sementara itu, wacana tulisan ialah wacana yang disampaikan dengan cara bertulis dan menggunakan medium penulisan. Oleh itu, jika mesej ingin disampaikan dengan baik, penerima harus membaca dan memahaminya (Tarigan, 1987:52).

Salah satu unsur pembentuk dalam sebuah wacana ialah topik. Sebagai unsur pembentuk wacana, topik merupakan perkara terpenting dalam sebuah wacana. Topik harus ditonjolkan dan dipertahankan agar komunikasi berjalan dengan lancar (Baryadi, 1993:11). Wacana yang baik adalah apabila hubungan bentuk atau struktur lahirnya bersifat kohesif, dan makna atau struktur batinnya bersifat koheren (Sumarlam, 2010:23). Topik merupakan perkara inti yang perlu dibahas kerana memiliki kesinambungan antara ayat yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam wacana.

Dalam sebuah wacana, topik merupakan titik awal sebuah informasi konseptual (Chafe, 1994). Topik ini juga merupakan hal yang dibincangkan dalam sebuah wacana (Lubis, 2016). Sementara itu, ahli linguistik lain menyatakan bahawa topik memiliki kedudukan yang penting atau tumpuan dalam wacana (Baryadi, 2002:60). Kedudukan ini sangat penting kerana berkaitan dengan peranannya untuk melancarkan proses komunikasi. Oleh sebab itu, kedudukan topik selalu diacu dan dipertahankan oleh ayat-ayat sehingga menimbulkan kesinambungan topik.

Kesinambungan topik dapat diuraikan dalam dua cara, pertama menciptakan kesinambungan topik dalam wacana. Kedua, mengukur kesinambungan topik (Baryadi, 2002:60). Bagi masalah kesinambungan topik, Givon (1983) mencetuskan pendekatan kuantitatif yang memiliki hubungan dengan pembahasan kesinambungan topik. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kesinambungan topik dalam urutan klausa dapat diukur secara tepat. Seterusnya, topik dapat dilihat daripada skala kebolehamalan atau ketersinambungannya.

Skala kebolehamalan ini dikembangkan dengan menggunakan pengukuran yang tepat sehingga topikalisasi dalam suatu urutan klausa dapat diramal dengan baik. Setelah pengukuran topikalisasi, dapat dilakukan penentuan pada tingkat kesinambungan dan darjat kesinambungan topik dalam cerita.

Analisis dalam artikel ini mengangkat tiga masalah penting. Pertama kesinambungan topik berdasarkan hasil pengukuran setiap bentuk gramatikal yang digunakan dalam cerita rakyat *Batu Batangkup*. Kedua, tingkat kesinambungan topik dalam cerita rakyat *Batu Batangkup*, dan ketiga darjat kesinambungan topik dalam cerita rakyat *Batu Batangkup*. Jika ditinjau secara teoretis penelitian ini diharapkan dapat menjadi sumbangan dalam perkembangan ilmu bahasa, khususnya dalam bidang analisis wacana yang mengkaji kesinambungan topik dalam wacana cerita rakyat.

KAJIAN LAMPAU

Penelitian mengenai kesinambungan topik sudah banyak dilakukan dengan berbagai-bagai objek wacana seperti wacana berita, pidato cerita rakyat dan sebagainya. Bagi kajian kesinambungan topik dari aspek wacana cerita rakyat ada beberapa peneliti yang sudah membahaskannya.

Dara (2013) dalam penelitiannya menemukan bahwa ganti nama (pronomina) orang ketiga memiliki tingkat kesinambungan topik yang paling tinggi dan frasa nama indefinit memiliki tingkat kesinambungan topik yang paling rendah. Pengkaji ini juga mendapati bahwa darjat kesinambungan topik tertinggi (hierarki paling atas) dimulai daripada ganti nama orang ketiga, ganti nama kosong, ganti nama milik, frasa nama definit dan terakhir dan terakhir (hierarki paling bawah) frasa nama indefinit.

Hardyanto dan Kurnia (2011) menemukan perkara yang berikut. Pertama penciptaan kesinambungan topik adalah meliputi kepronominalan, pengulangan, ekuivalensi leksikal dan pelesapan. Kedua, kadar kesinambungan topik meliputi jarak penyebutan, kebertahanan, interferensi, pelesapan dan susunan beruntun. Selain itu, Hardyanto & Kurnia (2011) dalam kajiannya membahaskan dua permasalahan. Pertama, menentukan kesinambungan topik dalam wacana *panatacara*. Kedua menentukan kadar kesinambungan topik dalam wacana *pantacara*. Dalam penelitian tersebut menggunakan metode kuantitatif. Beberapa hasil daripada kajian tersebut, pertama penciptaan kesinambungan topik meliputi pronominalisasi, pengulangan, ekuivalensi leksikal dan pelesapan. Kedua, kadar kesinambungan topik meliputi jarak penyebutan, kebertahanan, interferensi, pelesapan dan susunan beruntun.

Deliana (2010) juga menemukan beberapa hasil kajian. Pertama, pronomina kosong memiliki tingkat kesinambungan topik yang paling tinggi dan ganti nama tak takrif memiliki tingkat kesinambungan topik yang paling rendah. Kedua, topik yang berfungsi sebagai subjek memiliki kesinambungan topik tertinggi dan topik yang berfungsi sebagai dan lain-lain memiliki kesinambungan topik terendah. Ketiga, topik [+ insan] memiliki kesinambungan topik lebih tinggi daripada topik [-insan]. Keempat, topik yang berperanan sebagai alat pembuka ialah ganti nama takrif, ganti nama tak takrif, ganti nama relatif dan topik yang berperanan sebagai alat penghubung ialah ganti nama kosong, ganti nama orang ketiga, ganti nama milik. Kelima, darjat kesinambungan topik tertinggi (hierarki paling atas) dimulai daripada pronomina kosong, ganti nama orang ketiga, ganti nama milik, ganti nama relatif, ganti nama takrif dan ganti nama tak takrif.

METODOLOGI PENELITIAN

Data penelitian ini melibatkan lima perangkat gramatikal, seperti anafora kosong, ganti nama (pronomina) orang ketiga, ganti nama milik (pronomina posesif), frasa nama (frasa nomina) definit dan frasa nama indefinit, selain 37 klausa dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Klausa merupakan satuan sintaksis yang berada di atas satuan frasa dan di bawah satuan ayat yang berupa runtutan kata-kata berkonstruksi predikatif (Chaer, 2009:41). Hal ini bermaksud, dalam konstruksi itu, ada komponen yang terdiri daripada kata yang berfungsi sebagai subjek, objek dan sebagainya. Sumber data pada penelitian ini ialah teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* (Oktober 2006) yang ditulis oleh Farouq Alwi, disunting oleh Mahyudin al Mudra dan Daryatun. Buku ini merupakan kerjasama antara Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan Adicita Karya Nusa, terbitan Adicita.

Metode penelitian yang digunakan ialah kuantitatif deskriptif. Pengumpulan data dilaksanakan dengan metode dokumentasi, iaitu teknik baca dan catat. Teknik analisis data ini dikembangkan oleh Miles *et al.* (2014:10) yang terdiri daripada beberapa komponen analisis. Pertama pengumpulan data; kedua kondensasi data dengan tahapan memilih, memfokuskan, menyederhanakan, mengabstrakkan dan mentransformasikan data. Seterusnya ketiga, penyajian data dan keempat kesimpulan.

Dalam makalah ini, cerita rakyat Melayu yang berjudul *Batu Batangkup* dianalisis berdasarkan kesinambungan topiknyanya. Cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* ini memiliki tahap kesinambungan topik daripada yang rendah sehingga yang sukar untuk difahami oleh pembaca. Misalnya terlihat pada contoh yang Jadual 1.

Jadual 1 Contoh Kesinambungan topik cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*.

No.	Urutan Klausa	Frasa
1	1	... tinggal seorang janda bernama Mak Minah (JR:20, KG:2, KT:5)
2	2	Mak Minah (JR:1, KG:2, KT:4) rajin bekerja
3	4	Mak Minah (JR:1, KG:1, KT:2) juga mencari kayu bakar...
4	6	Mak Minah (JR:1, KG:1, KT:0) telah tua dan sakit-sakitan.
5	8	Mak Minah (JR:2, KG:2, KT:3) sering menangis ...

Daripada contoh dalam Jadual 1 dapat dilihat bahawa ganti nama definit Mak Minah tidak muncul pada klausa seterusnya. Dengan kata lain, ganti nama definit Mak Minah diselangi dengan pembahasan topik perangkat nahu (gramatikal) yang lain. Dengan adanya penelitian ini cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* ini diharap dapat diolah semula. Hal ini penting supaya pembaca mudah memahami cerita tersebut khususnya kepada murid sekolah rendah.

Penulisan wacana, khususnya penulisan cerita rakyat sering menggunakan kata ganti diri (pronomina) untuk mengekspresikan bentuk-bentuk topik. Cara tersebut digunakan oleh penulis agar wacana yang dihasilkan koheren dan mudah difahami oleh pembaca. Berdasarkan fenomena tersebut, dapat difahami bahawa topik yang berkesinambungan dalam wacana sangat penting kepada pembaca/pendengar untuk memahami dan mengikuti jalan cerita. Dalam penciptaan kesinambungan topik, apa-apa sahaja yang menjadi parameter kesinambungan topik tersebut haruslah difahami. Pemahaman terhadap parameter kesinambungan topik membolehkan tingkat dan darjat kesinambungan topik dalam sebuah cerita dapat diketahui.

Kajian ini menggunakan teori kesinambungan topik yang dipelopori oleh Givon pada tahun 1983. Kesinambungan topik merupakan cara topik utama dijalinan dalam suatu urutan klausa atau ayat yang tersusun untuk membentuk suatu rangkaian yang bersinambung. Dalam analisis kesinambungan topik cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*, maka peneliti akan mencari topik pada setiap ayat yang ada dalam wacana tersebut dengan menggunakan tiga kriteria dasar dalam penentuan kesinambungan topik, pertama, jarak referensi (JR), kedua, kemungkinan gangguan (KG) dan ketiga keberterusan topik (KB) (Givon 1983).

Jarak Rujukan

Jarak rujukan (JR) digunakan untuk melihat ukuran jarak antara sebutan pertama dengan sebutan kedua sesuatu topik. Penghitungan jarak referensi dinyatakan dengan mengikuti klausa kebelakang. Nilai yang diberikan adalah antara 1 (terendah) hingga 20 (tertinggi). Topik yang pertama kali muncul akan diberikan nilai 20 kerana dianggap sebagai topik yang paling sukar untuk dikenal pasti. Nilai 2, 3 dan seterusnya diberikan berdasarkan jarak kemunculan topik dan jarak ketidakhadirannya dalam penyebutan sebelumnya.

Jadual 2 Contoh JR dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkep*.

No.	Urutan Klausa	Frasa
1	1tinggal seorang janda bernama Mak Minah (JR:20, KG:2, KT:5)
2	2	Mak Minah (JR:1, KG:2, KT:4) rajin bekerja
3	3	...menyiapkan kebutuhan ketiga anaknya (JR:1, KG:2, KT:3)
4	4	Mak Minah (JR:1, KG:1, KT:2) juga mencari kayu bakar...
5	5	Ketiga anaknya (JR:1, KG:1, KT:1) sangat nakal dan pemalas...
6	6	Mak Minah (JR:1, KG:1, KT:0) telah tua dan sakit-sakitan.
7	8	Mak Minah (JR:2, KG:2, KT:3) sering menangis...

Berdasarkan jarak referensi, kesinambungan topik menjadi tinggi jika topik mudah dikenal pasti yang bererti jarak referensinya (JR) bernilai kecil. Jarak referensi (JR) yang bernilai tinggi pula menunjukkan topik tersebut sukar dikenal pasti sehingga menyebabkan kesinambungan topik menjadi tinggi pula jika topik rendah. Jadual 2 ini ialah contoh JR pada teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkep*.

Ganti nama definit Mak Minah dalam cerita ini muncul pada klausa pertama dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkep*. Oleh sebab itu, nilai Jarak Referensi (JR) 20 diberikan kerana ganti nama definit Mak Minah baru muncul kali pertama. Kemudian pada klausa kedua ganti nama definit Mak Minah muncul semula dan diberikan nilai JR 1. Hal ini kerana pada klausa sebelumnya atau pada klausa pertama, ganti nama definit Mak Minah sudah muncul. Ganti nama definit Mak Minah muncul lagi pada klausa berikutnya, iaitu klausa 3, 4, 5, 6 dan 8. Namun begitu, pada klausa ketiga dan kelima, ganti nama definit Mak Minah digantikan dengan ganti nama milik *-nya*. Pada klausa kelapan ganti nama definit Mak Minah diberi nilai JR 2 kerana pada klausa ketujuh ganti nama definit Mak Minah tidak muncul dalam bentuk apa-apa dan muncul pada dua klausa sebelumnya, iaitu klausa keenam.

Kemungkinan Gangguan

Kemungkinan gangguan (KG) digunakan untuk mengetahui sama ada dalam 3 klausa ke belakang terdapat gangguan topik lain terhadap topik yang dirujuk. Kemungkinan gangguan hanya mendapat nilai 1 dan 2 sahaja. Nilai 1 untuk topik yang tidak mendapat gangguan daripada topik lain terhadap topik yang dirujuk dalam lingkungan klausa 3 ke belakang. Sedangkan untuk topik yang mendapat gangguan yakni hadirnya topik yang mendapat gangguan yakni hadirnya topik lain dalam 3 klausa ke belakang maka diberikan nilai 2. Dalam jarak berdekatan kadangkala muncul topik lain yang membuat pembaca bingung dan sukar untuk mengenal pasti rujukan yang dimaksudkan oleh penulis. Topik yang mudah dikenal pasti (tidak ada gangguan topik lain) akan diberikan nilai rendah (1), sedangkan topik yang sukar dikenal pasti (ada gangguan topik lain) akan diberikan nilai tinggi (2). Jadual 3 ialah contoh KG pada teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkep*.

Jadual 3 Contoh KG dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkep*.

No.	Urutan Klausa	Frasa
1	19	... mereka (JR:1, KG:2, KT:6) pun makan...
2	20	... mereka (JR:1, KG:2, KT:5) mulai kebingungan dan lapar
3	21	... mereka (JR:1, KG:2, KT:4) tak bisa menemukan...
4	22	... ketika mereka (JR:1, KG:1, KT:3) mencari di sekitar...

Misalnya ganti nama orang ketiga *mereka* muncul pada klausa 19, 20, 21 dan 22. Pada klausa 19 KG diberi nilai 2 kerana tiga klausa sebelumnya ganti nama orang ketiga mendapat gangguan dengan munculnya topik lain. Sama seperti klausa 19, klausa 20 dan 21 juga diberikan nilai 2 kerana tidak memenuhi syarat 3 klausa sebelumnya membahaskan topik yang sama. Pada klausa 22 KG diberi nilai 1 pada klausa 22 sudah memenuhi persyaratan tiga klausa sebelumnya membahaskan topik yang sama tanpa diselanggi topik lain.

Keberterusan Topik (KT)

Keberterusan topik (KT) digunakan untuk melihat kepentingan suatu topik dalam wacana, topik yang dianggap penting akan lebih sering muncul dalam teks tertentu. Nilai keberterusan topik (KT) akan diukur mengarah ke depan. Nilai untuk keberterusan topik (KT) ini tidak terbatas. Nilai diberikan berdasarkan keberapa kemunculan topik pada klausa berikutnya secara berurutan. Jadual 4 ialah contoh KT pada teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*.

Misalnya ganti nama miliknya muncul pada klausa 18, pada klausa 19, 20, 21, 22 dan 24 ganti nama milik muncul dalam bentuk ganti nama orang ketiga *mereka*, sedangkan pada klausa 23 dan klausa 24 muncul dalam bentuk ganti nama milik dan anafora kosong. Pada klausa 18 diberi nilai KT 7 kemunculan topik yang sama dapat dipertahankan keberterusan penyebutannya sampai 7 klausa setelahnya walaupun dalam bentuk lain. Pada klausa 19 sampai klausa 25 diberi nilai KT 6–0. Hal tersebut menunjukkan bahawa bermula daripada klausa 18 hingga klausa 25, tidak terdapat gangguan dengan munculnya topik lain pada klausa masing-masing.

Jadual 4 Contoh KT dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*.

No	Urutan Klausa	Frasa
1	18	...tidak menjumpai emaknya (JR:2, KG:2, KT:7)...
2	19	...mereka (JR:1, KG:2, KT:6) pun makan...
3	20	...mereka (JR:1, KG:2, KT:5) mulai kebingungan...
4	21	...mereka (JR:1, KG:1, KT:4) tak bisa menemukan emaknya
5	22	...mereka (JR:1, KG:1, KT:3) mencari di sekitar sungai...
6	23	...kami membutuhkan emak kami (JR:1, KG:1, KT:2)
7	24	...ratap mereka (JR:1, KG:1, KT:1)
8	25	...saat ☉ (JR:1, KG:1, KT:0) lapar

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pendekatan yang digunakan dalam penyelesaian penelitian ini ialah pendekatan kuantitatif kesinambungan topik yang diperkenalkan oleh

Givon (1983). Kesenambungan topik merujuk topik yang dibicarakan dalam suatu urutan klausa dengan maksud untuk mencipta dan mempertahankan koheren linear suatu wacana. Topik yang dimaksudkan ini ialah rujukan kata ganti, iaitu anafora kosong, ganti nama orang ketiga, ganti nama milik, frasa nama definit dan frasa nama indefinit.

Terdapat tiga kriteria untuk menentukan kesinambungan topik dan dijadikan dasar, iaitu: Jarak rujukan (*referential distance*), kemungkinan gangguan (*potential interference*) dan keberterusan (*persistence*). Setiap kriteria tersebut diberi nilai dengan perhitungan angka. Nilai untuk Jarak referensi ialah 1–20 dengan pengertian semakin besar nilai yang diperoleh maka semakin rendah kesinambungan topiknya. Pada kriteria yang kedua, iaitu kemungkinan gangguan juga diberi nilai dengan angka 1–2. Kemungkinan gangguan ini memiliki acuan, iaitu 3 klausa sebelumnya dengan pengertian semakin sedikit kemungkinan gangguan, semakin tinggi kesinambungan topiknya. Untuk keberterusan topik diberi nilai 0 dan seterusnya dengan pengertian semakin berlanjutan suatu acuan, semakin tinggi kesinambungan topik.

Berdasarkan parameter kesinambungan topik tersebut, maka ditemukan tujuh jawapan penelitian ini, iaitu:

1. Anafora kosong

Anafora kosong merupakan pelepasan daripada frasa nama dan ganti nama. Nama (nomina) dan ganti nama (pronomina) yang dilesapkan ditandai dengan \emptyset . Setelah dianalisis pada teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* ditemukan bahawa anafora kosong memiliki jarak referensi yang dekat. Topik yang muncul dalam 3 klausa terakhir juga dapat dipertahankan dan tidak terlalu mendapat gangguan daripada topik lain. Keberterusan juga dapat dipertahankan pada penyebutan selanjutnya. Setiap parameter kesinambungan topik dalam bentuk anafora kosong dapat dilihat pada Jadual 5.

Jadual 5 Anafora kosong.

Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai purata
Jarak referensi	8	12	1.50
Kemungkinan gangguan	8	12	1.50
Keberterusan topik	8	13	1.62

Daripada Jadual 5, jumlah keseluruhan token untuk anafora kosong ialah 8 dengan nilai jarak referensi yang diperoleh ialah 12 untuk kemungkinan gangguan memperoleh nilai sebesar 12 dan untuk keberterusan topik memperoleh nilai sebesar 13. Sementara itu, untuk nilai purata dari masing-masing parameter adalah seperti yang berikut:

$$JR = \frac{12}{8} \times 100\% = 1.50$$

$$KG = \frac{12}{8} \times 100\% = 1.50$$

$$KT = \frac{13}{8} \times 100\% = 1.62$$

2. Frasa Nama Definit

Bentuk ini meliputi frasa nama tertentu. Jarak referensi topik dalam bentuk frasa nama definit selanjutnya disebut sebagai FND yang memiliki nilai yang cukup besar. Hal ini disebabkan 5 klausa awal pada cerita ini banyak membahaskan topik FND sehingga memiliki nilai yang cukup besar. Sementara itu untuk kemungkinan gangguan pada topik FND memiliki kemunculan dalam tiga klausa berturut-turut tidak terlalu banyak mengalami gangguan daripada topik lain dan topik juga tidak dipertahankan keberterusannya pada penyebutan selanjutnya. Untuk lebih lanjut, penerangan mengenai masing-masing parameter dapat dilihat pada Jadual 6.

Dapat dilihat pada Jadual 6 FND memiliki jumlah keseluruhan token sebanyak 36. Parameter untuk jarak referensi memiliki jumlah nilai 218, kemungkinan gangguan memiliki jumlah nilai 62 dan keberterusan topik memiliki jumlah nilai 51. Sementara itu, nilai purata daripada tiap-tiap parameter adalah seperti yang berikut:

$$JR = \frac{218}{36} \times 100\% = 6.05$$

$$KG = \frac{62}{36} \times 100\% = 1.72$$

$$KT = \frac{51}{36} \times 100\% = 1.42$$

Jadual 6 Frasa nama definit.

Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
Jarak Referensi	36	218	6.05
Kemungkinan Gangguan	36	62	1.72
Keberterusan Topik	36	51	1.42

3. Frasa Nama Indefinit

Frasa nama indefinit selanjutnya disebut dengan FNI merupakan bentuk frasa yang meliputi frasa kata nama secara umum dan tidak memiliki penanda tertentu. FNI merupakan topik yang paling sedikit muncul dalam cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Nilai yang paling tinggi ditempati oleh parameter jarak referensi yakni sebanyak 47 sehingga menjadikan parameter ini memiliki jarak referensi yang cukup jauh. Parameter yang kedua ialah kemungkinan gangguan yang memiliki nilai sebanyak 14 dan memiliki gangguan yang cukup besar daripada topik yang lain. Selanjutnya, parameter keberterusan topik hanya memiliki nilai sebesar 3 dengan maksud keberterusan topik tidak dipertahankan pada penyebutan selanjutnya. Penerangan topik FNI untuk setiap parameter dapat dilihat dalam Jadual 7.

Jadual 7 Frasa nama indefinit.

Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
Jarak Referensi	7	47	6.71
Kemungkinan Gangguan	7	14	2.00
Keberterusan Topik	7	3	0.42

Berdasarkan Jadual 7, dapat dilihat bahawa FNI memiliki jumlah token sebanyak 7 token. Jarak referensi memperoleh nilai sebanyak 47, kemungkinan gangguan memperoleh nilai sebanyak 14 dan untuk keberterusan topik memperoleh nilai sebanyak 3. Sementara itu untuk nilai purata daripada setiap parameter adalah seperti yang berikut:

$$JR = \frac{47}{7} \times 100\% = 6.71$$

$$KG = \frac{14}{7} \times 100\% = 2.00$$

$$KT = \frac{3}{7} \times 100\% = 0.42$$

4. Ganti Nama Orang Ketiga

Bentuk pada topik ini merupakan ganti nama tidak bertekanan atau dengan kata lain bentuk orang ketiga. Jarak referensi memiliki jarak referensi yang sangat dekat. Kemudian, kemungkinan gangguan pada ganti nama orang ketiga memiliki kemunculan topik dalam tiga klausa berturut-turut adalah tidak terlalu banyak gangguan daripada topik lain. Untuk keberterusan topik tidak dipertahankan keberterusannya pada penyebutan selanjutnya. Penerangan topik ganti nama orang ketiga untuk setiap parameter dapat dilihat pada Jadual 8.

Jadual 8 Ganti Nama orang ketiga.

Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
Jarak Referensi	17	49	2.04
Kemungkinan Gangguan	17	35	1.45
Keberterusan Topik	17	91	3.79

Terlihat daripada Jadual 4 ganti nama orang ketiga memiliki jumlah token sebanyak 17 token. Jarak referensi memiliki nilai sebanyak 49, kemungkinan gangguan memiliki nilai sebanyak 35 dan keberterusan topik memiliki nilai sebanyak 91. Nilai purata yang diperoleh untuk setiap parameter dapat dilihat sebagai yang berikut:

$$JR = \frac{49}{17} \times 100\% = 2.04$$

$$KG = \frac{35}{17} \times 100\% = 1,45$$

$$KT = \frac{91}{17} \times 100\% = 3.79$$

5. Ganti Nama Milik

Bentuk topik ini merupakan frasa nama yang diikuti oleh kata ganti nama Milik. Topik dalam bentuk ganti nama milik memiliki jarak referensi yang cukup jauh, tetapi untuk kemunculan topik dalam tiga klausa berturut-turut terdapat banyak gangguan daripada topik lain dan topik juga dipertahankan keberterusannya pada penyebutan selanjutnya. Penerangan topik dalam bentuk ganti nama milik untuk setiap parameter kesinambungan topik dapat dilihat pada Jadual 9.

Jadual 9 Ganti Nama Milik.

Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
Jarak Referensi	15	66	4.40
Kemungkinan Gangguan	15	28	1.87
Keberterusan Topik	15	32	2.13

Dapat dilihat daripada Jadual 9, ganti nama milik memiliki keseluruhan jumlah token sebanyak 15 token, nilai untuk parameter jarak referensi adalah sebanyak 66, kemungkinan gangguan sebanyak 28 dan keberterusan topik sebanyak 32. Nilai purata yang diperoleh untuk parameter dapat dilihat seperti yang berikut:

$$JR = \frac{66}{15} \times 100\% = 4.40$$

$$KG = \frac{28}{15} \times 100\% = 1.78$$

$$KT = \frac{32}{15} \times 100\% = 2.13$$

Selanjutnya, tingkat kesinambungan kelima-lima bentuk topik dapat dilihat pada tiga ukuran kesinambungan topik, iaitu jarak referensi, kemungkinan gangguan dan keberterusan topik. Kelima-lima bentuk topik diurutkan daripada topik yang memiliki nilai purata paling kecil hingga kepada yang paling besar berdasarkan hasil pengukuran. Pengukuran dilakukan berdasarkan parameter yang dikemukakan oleh Givon (1983), iaitu semakin dekat jarak topik, semakin tinggi kesinambungan topik sebaliknya semakin jauh jarak topik semakin rendah kesinambungan

Jadual 10 Jarak referensi.

No.	Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
1	Ganti Nama Kosong	8	12	1.50
2	Ganti Nama Orang Ketiga	17	49	2.04
3	Ganti Nama Milik	15	66	4.40
4	Frasa Nama Definit	36	218	6.05
5	Frasa Nama Indefinit	7	47	6.71

topik. Hal ini bererti jarak topik yang jauh bererti topik memiliki nilai purata yang relatifnya besar sedangkan jarak topik yang dekat memiliki nilai purata yang relatifnya kecil. Penjelasan terperinci dapat dilihat dalam Jadual 10.

Jadual 10 menunjukkan tingkat kesinambungan topik yang diurutkan berdasarkan nilai purata terkecil sehingga pada nilai purata yang terbesar. Nilai purata terkecil, iaitu 1.50 dan 2.04 menunjukkan kesinambungan tinggi dan nilai purata besar (4.40, 6.05 dan 6.71) menunjukkan kesinambungan rendah. Topik dalam bentuk ganti nama orang ketiga memiliki kesinambungan topik tertinggi pada parameter jarak referensi dengan nilai purata 1.50 dan frasa nama indefinit memiliki kesinambungan topik terendah pada parameter jarak referensi dengan perolehan nilai purata 6.71. Tingkat kesinambungan kelima bentuk topik pada parameter jarak referensi cukup berimbang kerana terdapat dua topik memiliki kesinambungan topik yang tinggi dan terdapat tiga topik yang memiliki kesinambungan topik yang rendah.

Jadual 11 menunjukkan tingkat kesinambungan topik yang diurutkan berdasarkan nilai purata terkecil sehingga pada nilai purata yang terbesar. Rentang nilai diberikan antara 1–2. Nilai 1 diberikan apabila topik tidak mendapat gangguan daripada topik lain dan nilai 2 diberikan apabila topik mendapat gangguan daripada topik lain. Nilai purata terkecil, iaitu 1.45, 1.50 dan 1.72 menunjukkan kesinambungan tinggi dan nilai purata besar (2.00 dan 2.13) menunjukkan kesinambungan rendah. Topik dalam bentuk ganti nama orang ketiga memiliki kesinambungan topik tertinggi pada parameter kemungkinan gangguan dengan nilai purata 1.45 dan ganti nama milik memiliki kesinambungan topik terendah pada parameter kemungkinan gangguan dengan perolehan nilai purata 2.13. Tingkat kesinambungan lima bentuk topik pada parameter kemungkinan gangguan

Jadual 11 Kemungkinan gangguan.

No.	Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
1	Ganti Nama Orang Ketiga	17	35	1.45
2	Ganti Nama Kosong	8	12	1.50
3	Frasa Nama Definit	36	62	1.72
4	Frasa Nama Indefinit	7	14	2.00
5	Ganti Nama Milik	15	32	2.13

cukup berimbang kerana terdapat tiga topik memiliki kesinambungan topik yang tinggi dan terdapat dua topik yang memiliki kesinambungan topik yang rendah.

Jadual 12 menunjukkan tingkat keberterusan topik yang diurutkan berdasarkan nilai purata terkecil sehingga pada nilai purata terbesar. Rentang nilai diberikan antara 0 dan seterusnya. Nilai purata terkecil, iaitu 0.45, 1.42 dan 1.50 menunjukkan kesinambungan tinggi dan nilai purata besar (2.13 dan 3.79) menunjukkan kesinambungan rendah. Topik dalam bentuk frasa nama indefinit memiliki kesinambungan topik tertinggi pada parameter keberterusan topik dengan nilai purata 0.42 dan ganti nama orang ketiga memiliki kesinambungan topik terendah pada parameter keberterusan topik dengan perolehan nilai purata 3.79. Tingkat kesinambungan kelima-lima bentuk topik pada parameter keberterusan topik cukup berimbang kerana terdapat tiga topik memiliki kesinambungan topik yang tinggi dan terdapat dua topik yang memiliki kesinambungan topik yang rendah.

Jadual 12 Keberterusan topik.

No.	Ukuran	Jumlah Token	Nilai	Nilai Purata
1	Frasa Nama Indefinit	7	3	0.42
2	Frasa Nama Definit	36	51	1.42
3	Ganti Nama Kosong	8	13	1.50
4	Ganti Nama Milik	15	32	2.13
5	Ganti Nama Orang Ketiga	17	91	3.79

Hasil pengukuran terhadap kelima-lima bentuk topik menunjukkan darjat kesinambungan topik yang bervariasi. Parameter jarak referensi topik dalam bentuk anafora kosong menduduki peringkat paling atas dan topik dalam bentuk frasa nama indefinit berada pada peringkat terendah. Parameter kemungkinan gangguan topik dalam bentuk ganti nama orang ketiga menduduki peringkat paling atas dan topik dalam bentuk ganti nama milik berada pada peringkat terendah. Topik dalam bentuk frasa nama indefinit menduduki peringkat paling atas pada parameter keberterusan topik dan topik dalam bentuk ganti nama orang ketiga menduduki peringkat terendah pada parameter ini. Dalam usaha menentukan darjat kesinambungan topik, perlu dibuat sebuah bagan (skema) kesinambungan topik seperti yang dilakukan Givon (1983). Penyusunan bagan dilakukan dengan melihat hasil pengukuran terhadap semua nilai yang ada agar diperoleh nilai purata topik masing-masing. Hasil pengukuran ini, iaitu tingkat kesinambungan topik berdasarkan tiga ukuran Givon dapat dilihat pada Jadual 13.

Jadual 13 Darjat kesinambungan topik.

No.	Perangkat Gramatikal	Jarak Referensi			Kemungkinan Gangguan			Keberterusan Topik			Total NR
		J	N	NR	J	N	NR	J	N	NR	
1	Anafora Kosong	8	12	1.50	8	12	1.50	8	13	1.62	4.62
2	Ganti Nama Orang Ketiga	17	49	2.04	17	35	1.45	17	91	3.79	7.28
3	Ganti Nama Milik	15	66	4.40	15	28	1.87	15	32	2.13	8.40
4	Frasa Nama Indefinit	7	47	6.71	7	14	2.00	7	3	0.42	9.13
5	Frasa Nama Definit	36	218	6.05	36	62	1.72	36	51	1.42	9.19

Jadual 13 menunjukkan nilai purata topik dalam bentuk anafora kosong yang memiliki kesinambungan topik tertinggi sebesar 4.62. Posisi kedua dan ketiga ditempati oleh kata ganti orang ketiga dan ganti nama milik dengan nilai purata masing-masing 7.28 dan 8.40. Nilai purata yang dimiliki oleh frasa nama indefinit dan frasa nama definit tidak terpaut jauh satu sama lain. Jumlah token yang paling banyak muncul dalam dua bentuk topik, iaitu frasa nama indefinit sebesar 9.13 dan frasa nama definit sebesar 9.19.

Pada lajur jarak referensi pemerolehan nilai terbesar dimiliki oleh topik dalam bentuk frasa nama definit sebesar 6.05 artinya dilihat daripada kemunculan token dengan nilai yang diperoleh menunjukkan perbezaan yang mencolok. Hal ini menunjukkan jarak rujuk daripada satu topik ke topik lainnya cukup jauh. Sebaliknya, topik dalam bentuk anafora kosong memiliki perbezaan jumlah kemunculan token dengan nilai yang diperoleh tidak terpaut jauh sebesar 1.50. Hal ini berarti jarak rujuk topik relatif dekat kerana majoriti topik mendapat nilai pengukuran jarak referensi yang kecil.


Pada lajur kemungkinan gangguan, nilai purata tiap-tiap bentuk topik anafora kosong, ganti nama orang ketiga, frasa nama definit dan ganti nama milik tidak terpaut jauh satu sama lain. Artinya majoriti topik mendapat nilai kemungkinan gangguan yang maksimum disebabkan oleh jarak rujuk topik yang sudah ditetapkan. Bentuk topik ganti nama orang ketiga memiliki nilai purata yang paling kecil, iaitu 1.45 dan bentuk topik frasa nama indefinit memiliki nilai purata terbesar, iaitu 2.00. Perbezaan kemunculan token dengan nilai yang diperoleh masih dapat dikesan dengan baik.

Pada lajur keberterusan topik, terdapat satu bentuk topik yang memiliki nilai terkecil, iaitu frasa nama indefinit sebesar 0.42. Hal ini menandakan untuk keberterusan topik sangat terbatas, sehingga topik sulit terdeteksi. Sementara itu topik dalam bentuk frasa nama definit, anafora kosong, ganti nama milik dan ganti nama orang ketiga memiliki nilai purata masing-masing sebesar 1.42, 1.62, 2.13 dan 3.79. Hal ini menunjukkan jarak rujuk bentuk topik ini lebih dipertahankan sehingga topik masih dapat dikesan.

Pada lajur nilai purata, masing-masing topik cukup bervariasi. Berdasarkan urutannya, urutan pertama yang ditempati bentuk topik anafora kosong memiliki nilai purata yang terpaut jauh daripada bentuk topik yang lainnya, iaitu sebesar 4.62. Sementara itu, empat bentuk topik yang lain, iaitu ganti nama orang ketiga, ganti nama milik, frasa nama

indefinit dan frasa nama definit memiliki nilai purata yang tidak terpaut jauh satu sama lain, iaitu 7.28, 8.40, 9.13 dan 9.19.

Tiga ukuran kesinambungan topik, iaitu JR, KG dan KT memiliki kedudukan yang sama, tidak ada salah satu yang secara kualitatif lebih baik daripada yang lainnya. Dengan demikian, meskipun tinggi rendahnya tingkat kesinambungan topik muncul dalam bentuk gramatikal yang berbeza, bagan kesinambungan topik tetap dapat diwujudkan. Gradasi kesinambungan topik dalam teks *Cerita Rakyat Melayu: Batu Batangkup* disusun seperti berikut::



Topik dalam bentuk anafora kosong merupakan penanda bahawa topik tersebut memiliki kesinambungan tertinggi, sehingga kemunculannya dapat diramalkan oleh pembacanya. Topik dalam bentuk ganti nama orang ketiga menempati posisi kedua, kemudian diikuti oleh ganti nama milik, frasa nama indefinit dan frasa nama definit. Topik bentuk frasa nama definit merupakan penanda bahawa topik tersebut sulit diramal oleh pembacanya.

KESIMPULAN

Daripada hasil analisis yang dilakukan, ditemukan kesinambungan topik dalam cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* posisi pertama ditempati oleh perangkat gramatikal ganti nama kosong dengan memperoleh nilai purata sebesar 4.62. Kemudian posisi kedua ditempati oleh perangkat gramatikal ganti nama orang ketiga dengan memperoleh nilai purata sebesar 7.28. Perangkat gramatikal yang menempati posisi ketiga ialah ganti nama milik dengan nilai purata sebesar 8.40. Posisi keempat dan kelima secara berurutan ditempati oleh perangkat gramatika frasa nama indefinit dan frasa nama definit dengan masing-masing memperoleh nilai purata sebesar 9.13 dan 9.19.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa hasil pengukuran terhadap kesinambungan topik secara kuantitatif memang dapat membuktikan

bahawa topik yang kemunculannya dapat diramalkan dengan baik diwujudkan dalam bentuk anafora kosong, namun sebaliknya topik yang kemunculannya sulit diramal diwujudkan dalam bentuk frasa nama definit dalam teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup*. Secara keseluruhannya teks cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* memiliki kesinambungan yang rendah. Namun demikian, hasil pengukuran ini tidaklah dapat menentukan kualiti atau mutu wacana tersebut. Penelitian mengenai kesinambungan topik dapat dikaji dalam beberapa aspek lainnya, dan penelitian ini hanya membahaskan hal yang mendasar saja. Pada tahap ini, peneliti hanya menggunakan sampel yang relatif kecil.

Agar sebuah wacana novel mahupun cerita rakyat yang disadur kembali dapat disampaikan makna dan mesej yang ingin dikemukakan, justeru disarankan kepada penulis untuk memperhatikan kesinambungan topik. Hal ini sangat membantu pembaca untuk lebih mudah memahami isi cerita baik dari segi makna mahupun mesej yang ingin disampaikan.

Hasil daripada penelitian ini diharapkan dapat menjadi unsur pengembangan penelitian kebahasaan dan dapat digunakan sebagai salah satu acuan untuk merekonstruksi cerita rakyat Melayu *Batu Batangkup* agar lebih mudah difahami oleh pembaca pada umumnya dan pelajar sekolah rendah pada khususnya.

Selain itu, diharapkan penelitian ini dapat menjadi sebuah rujukan bagi peneliti lain yang ingin menganalisis kesinambungan topik dalam sebuah cerita rakyat. Jika dilihat secara praktis, hasil penelitian ini juga diharapkan dapat berguna bagi mahasiswa yang menjadikan penelitian ini sebagai salah satu rujukan.

RUJUKAN

- Alwi, H. (2003). *Tata bahasa baku Bahasa Indonesia*. Balai Pustaka.
- Baryadi, I. P. (1993). *Kesatuan topik dalam wacana eksposisi, wacana deskripsi, dan wacana narasi dalam Bahasa Indonesia*. Masyarakat Linguistik Indonesia.
- Baryadi, I. P. (2002). *Dasar-dasar analisis wacana dalam ilmu bahasa*. Pustaka Gondho Suli.
- Chaer, A. (2007). *Linguistik umum*. Rineka Cipta.
- Chaer, A. (2009). *Pengantar semantik Bahasa Indonesia*. Rineka Cipta.
- Chafe, W. L. (1994). *Discourse, consciousness, and time: The flow and displacement of conscious experience in speaking and writing*. University of Chicago Press.

- Dara, S. M. (2013). *Analisis kesinambungan topik pada cerita rakyat Alas Silayagh dan Beghu Dinem* [Tesis Magister tidak diterbitkan]. <https://repositori.usu.ac.id/handle/123456789/36400>
- Deliana. (2010). *Kesinambungan topik dalam kaba klasik Minangkabau*. [Disertasi tidak diterbitkan]. <https://repositori.usu.ac.id/handle/123456789/41911>
- Farouq Alwi. (Oktober 2006). *Batu Batangkup* (cerita rakyat Melayu). Mahyudin Al Mudra & Daryatun (ed.). AdiCita.
- Givon, T. (1983). *Topic continuity in discourse: A quantitative cross language study*. John Benjamin.
- Hardyanto, & Kurnia, E. D. (2011). Kesinambungan topik wacana pranatacara Jawa - bahasa. *Lingua: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 7(2). <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/lingua/article/view/2054/2168>
- Harris, Z. S. (1952). Discourse analysis. *Language*, 28(1), 1. <https://doi.org/10.2307/409987>
- Lubis, I. S. (2016). Analisis wacana kesinambungan topik dalam *Cerita Rakyat Bisuk Ni Si Anggian*. *Jurnal Education aAnd Development*, 1(2), 1–1. <https://doi.org/10.37081/ED.V1I2.243>
- Miles, M.B; Hubarman, A M & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook*. Sage Publication, Inc. <https://books.google.co.id/books?id=p0wXBAAAQBAJ&printsec=frontcover&hl=id#v=onepage&q&f=false>
- Sumarlam. (2010). *Analisis wacana teori dan praktik*. Pustaka Cakra.
- Tarigan, H. G. (1987). *Teknik pengajaran keterampilan berbahasa*. Angkasa.
- Tarigan, H. G. (2009). *Pengkajian pragmatik*. Angkasa.